



Mohammad Shatar (tengah) meneliti buku 'Enterprising School' yang dilancarkannya.

UPM lancar buku pembangunan, bimbingan keusahawanan

Oleh Noor Eszereen Juferi
bhvarsiti@bh.com.my

► Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan enam buku 'Enterprising School' yang menyelami aspek pembangunan dan bimbingan keusahawanan bagi

menyuntik minat pelajar menerokai bidang perniagaan.

Kesemua buku berkenaan secara langsung juga dapat dijadikan panduan untuk graduan berke-

cimpung dalam dunia keusahawanan, seterusnya memilih kerjaya sebagai majikan berbanding pekerja.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM, Prof Madya Dr Zulhamri Abdullah, berkata buku terbabit dihasilkan tenaga pengajar universiti itu, bertujuan mendorong pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar di kampus, sekali gus menggalakkan mereka mendalami ilmu perniagaan secara lebih berkesan.

Dunia perniagaan sebenar

"Buku ini boleh dijadikan rujukan pelajar untuk memahami dunia perniagaan sebenar, sekali gus membimbing mereka melihat impak kerjaya keusahawanan secara lebih mendalam," katanya ketika ditemui selepas Forum Transformasi Minda Keusahawanan Siswa di sini, baru-baru ini.

Bersempena dengan forum berkenaan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPM, Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, melancarkan buku dalam bahasa Inggeris terbabit.

Beliau juga turut melancarkan Kelab Kerjaya yang akan mendedahkan pelajar UPM kepada maklumat kerjaya terkini.

INFO

Enam buku 'Enterprising School'

- Business Branding
- Customer Service Management
- Financial Information and Management
- Human Resource Management
- International Business
- Essence of Marketing



BUKU INI BOLEH DIJADIKAN RUJUKAN PELAJAR UNTUK MEMAHAMI DUNIA PERNIAGAAN SEBENAR, SEKALI GUS MEMBIMBING MEREKA MELIHAT IMPAK KERJAYA KEUSAHAWANAN SECARA LEBIH MENDALAM!"

Prof Zulhamri Abdullah,
Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM